

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN
[KALABAKAN]**

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 71

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha memperkasakan dan penambahan perjawatan pegawai kesihatan persekitaran dan logistik di Sabah untuk menangani kes-kes penyakit berjangkit, kawalan dan penguatkuasaan berhubung kebersihan dan keselamatan makanan. Usaha-usaha untuk menyalurkan perkhidmatan perkhidmatan tersebut dengan efektif sentiasa berdepan dengan kekangan kekurangan kakitangan dan jangkauan lokasi-lokasi penduduk di pedalaman terbantut disebabkan kekurangan kenderaan bersesuaian dan jaringan jalan raya yang kurang baik.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Januari 2019, jumlah Pegawai Kesihatan Persekitaran di Malaysia ialah 260 perjawatan (dengan pengisian seramai 231 orang). Di Sabah pula, jumlah Pegawai Kesihatan Persekitaran ialah 24 perjawatan (dengan pengisian 23 orang). Kedudukan ini menjadikan jumlah perjawatan Pegawai Kesihatan Persekitaran di Sabah yang tertinggi di Malaysia.

KKM sentiasa berusaha untuk menangani isu-isu keperluan perjawatan dan logistik. Sehubungan dengan keputusan Jawatankuasa Kabinet Transformasi Perkhidmatan Awam Bilangan 1 Tahun 2015 bertarikh 05 Mac 2015, di mana terdapat arahan pembekuan tambahan jawatan baru, KKM berusaha untuk menangani situasi ini melalui job deployment dan *multi-tasking* dalam pengurusan sumber manusia dan pergerakan logistik di seluruh negara.

Kekuatan perjawatan setiap kategori anggota Pegawai Kesihatan Persekitaran dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran disusun mengikut aktiviti, khususnya untuk aktiviti yang melibatkan, Kawalan Penyakit Berjangkit, Kawalan Penyakit Bawaan Vektor, Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit, Program Bekalan Air Kebersihan Sekeliling, Kawalan Mutu Air Minum, Program Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar, Program Keselamatan dan Kualiti Makanan dan Penguatkuasaan Perundangan. Semua aktiviti ini boleh dijalankan secara agihan tugas mengikut pecahan kawasan operasi agar mencapai sasaran kerja ditetapkan serta menggunakan logistik pengangkutan secara lebih cekap dan teratur.

Sekian, terima kasih.